**KOLEJ UNIVERSITI YAYASAN PELAJARAN JOHOR**

**NO. SEBUT HARGA: KUYPJ-PDF-105.9-1-3 (1)**

1. Tawaran Sebut Harga adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal dimiliki 100% oleh rakyat tempatan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini akan diterima oleh **KOLEJ UNIVERSITI YAYASAN PELAJARAN JOHOR** hingga pukul 12.00 tengahari pada **16 NOVEMBER 2026**.. bagi kerja seperti berikut:

**SH 1: PERKHIDMATAN KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUJI SISTEM PENDINGIN HAWA DI KOLEJ UNIVERSITI YAYASAN PELAJARAN JOHOR**

2. Segala butiran boleh didapati semasa waktu bekerja di Pejabat Bahagian Pendaftar, Kolej Universiti Yayasan Pelajaran Johor.

3. KUYPJ tidak semestinya menerima Sebut Harga yang paling rendah atau pun terikat kepada sebarang Sebut Harga.

Tarikh: **2 NOVEMBER 2026**

.....

**KOLEJ UNIVERSITI YAYASAN PELAJARAN JOHOR**
No. Tel: 07- 2133502

**Cop KUYPJ**

**Cop & Tandatangan Syarikat**

| | |
|---|---|
| **SEBUT HARGA BAHAGIAN** | : PEJABAT PENDAFTAR KUYPJ |
| **NO. SEBUT HARGA** | : KUYPJ-PDF-105.9-1-3 (1) |

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KUYPJ-PDF-105.9-1-3 (1)
Tarikh : 16 November 2026

Sebut harga adalah diterima di Pejabat Pendaftar Kolej Yayasan Pelajaran Johor, sehingga jam 12.00 tengahari .....**16 NOVEMBER 2026**..... bagi kerja-kerja berikut:

**SH 1: PERKHIDMATAN KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUJI SISTEM PENDINGIN HAWA DI KOLEJ UNIVERSITI YAYASAN PELAJARAN JOHOR**

Nama Kontraktor : .....
Alamat : .....
.....
No. Telefon : .....

Tuan,
Pentadbiran ini menjemput tuan mengemukakan sebut harga untuk kerja di atas. Sila kemukakan **Borang Sebut Harga** yang telah lengkap diisi di dalam sampul surat yang telah dimeterai dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Pejabat Pendaftar Kolej Universiti Yayasan Pelajaran Johor.

2. Sila tulis di bahagian atas sampul surat berukuran 9" X 12" Nama, Nombor Sebut Harga, masa dan tarikh tutup seperti yang disebut di atas dan alamat pejabat yang mengeluarkan Sebut Harga. **Dokumen Sebut Harga tidak boleh dilipat.**

Sekian.

Yang Benar,

.....

**Cop KUYPJ** **Cop & Tandatangan Syarikat**

**ARAHAN KEPADA PETENDER**

**Tajuk Sebut Harga:**

**SH 1: PERKHIDMATAN KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUJI SISTEM PENDINGIN HAWA DI KOLEJ UNIVERSITI YAYASAN PELAJARAN JOHOR**

## 1. HAK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA

KUYPJ adalah tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan Jawatankuasa Penilai dan Jawatankuasa Pemilih Sebut Harga adalah muktamad.

## 2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA.

### 2.1 Penyediaan Sebut Harga

a) Kontraktor adalah dikehendaki mengisi segala maklumat dengan sepenuhnya.
b) Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

### 2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

(a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebut Harga serta tajuk Sebut Harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga pada masa dan tempat yang telah ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
(b) Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, tidak akan dipertimbangkan.

### 2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, pemborong boleh menghubungi pejabat ini untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

## 3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebut Harga ini hendaklah ditanggung oleh Petender sendiri.

**Cop KUYPJ** **Cop & Tandatangan Syarikat**

## 4. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut Harga ini adalah sah selama 30 hari dari tarikh tutup Sebut Harga. Petender tidak boleh menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah Sebut Harga. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya petender menarik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah Sebut Harga. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu. Harga tawaran pada Sebut Harga adalah berkekalan sehingga tempoh tamat kontrak.

## 5. TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh masa yang ditentukan oleh Pejabat Pendaftar KUYPJ.

**Cop KUYPJ**

**Cop & Tandatangan Syarikat**

**SENARAI SEMAK**
**(BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA)**

Sila tandakan √ bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

| BIL | PERKARA / DOKUMEN | UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT | UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA |
|---|---|---|---|
| 1 | Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). | | |
| 2 | Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB. | | |
| 3 | Borang Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani. | | |
| 4 | Borang Maklumat Penyebut Harga. | | |
| 5 | Pematuhan Kepada Spesifikasi. | | |
| 6 | Borang Penyerahan Contoh dan Katalog (jika berkaitan). | | |
| 7 | Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan). | | |
| 8 | Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir. | | |
| 9 | Borang Akuan Pembida ditandatangani. | | |

**Cop KUYPJ**

**Cop & Tandatangan Syarikat**

| **PENGESAHAN OLEH SYARIKAT** | **UNTUK KEGUNAAN PEJABAT PENDAFTAR** |
|---|---|
| Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.<br><br>Tandatangan:.....<br><br>Nama :.....<br><br>Jawatan :.....<br><br>Tarikh : ..... | Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)<br><br>Tandatangan (1) :.....<br><br>Nama : .....<br><br>Jawatan : .....<br><br>Tarikh : .....<br><br>Tandatangan (2) : .....<br><br>Nama : .....<br><br>Jawatan : .....<br><br>Tarikh : ..... |

**Cop KUYPJ**

**Cop & Tandatangan Syarikat**

**ARAHAN KEPADA PETENDER**

**BQ 1**

**Tajuk Sebut Harga :** **SH 1 : PERKHIDMATAN KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUJI SISTEM PENDINGIN HAWA DI KOLEJ UNIVERSITI YAYASAN PELAJARAN JOHOR**

Sebarang butiran yang tidak dihargakan dianggap telah dimasukkan ke dalam harga butiran-butiran yang lain. Petender adalah DIGALAKKAN membuat lawatan ke Kolej dan membaca syarat-syarat kontrak bersama-sama pelan-pelan dan spesifikasi untuk memastikan skop kerja yang terlibat sebelum menghargakan tendernya. Sebarang tuntutan harga tambahan berhubung dengan perkara di atas tidak akan dipertimbangkan.

| BIL | KETERANGAN | KUANTITI | UNIT | HARGA (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **Lokasi: Blok B – Dewan Seminar 2, Aras G**<br><br>Kerja-kerja membuka, membekal, memasang dan menguji pendingin hawa baharu dan kerja-kerja berkaitan beserta *copper piping, outdoor unit bracket, insulation pipe, gas, vacuum system* dan kerja-kerja serta aksesori berkaitan mengikut spesifikasi di bawah:<br><br>• Jenama : Acson (Non-Inverter)<br>• Jenis : Cassete<br>• Kuasa : 4.0 HP<br>• Anggaran *Extra Copper Pipping* A/C No 1- 45 FT | 1 | Unit | | |
| | Kerja-kerja membuka, membekal, memasang dan menguji pendingin hawa baharu dan kerja-kerja berkaitan beserta *copper piping, outdoor unit bracket, insulation pipe, gas, vacuum system* dan kerja-kerja serta aksesori berkaitan mengikut spesifikasi di bawah:<br><br>• Jenama : Acson (Non-Inverter)<br>• Jenis : Cassete<br>• Kuasa : 4.0 HP<br>• Anggaran *Extra Copper Pipping* A/C No 1- 35 FT | 1 | Unit | | |
| | | | | | |

**Cop KUYPJ** **Cop & Tandatangan Syarikat**

| BIL | KETERANGAN | KUANTITI | UNIT | HARGA (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 2 | **Lokasi: Blok B – Pejabat HEP 1, Aras G**<br><br>Kerja-kerja membuka alat penyaman udara **FCU 8.0HP** sedia ada yang rosak serta kerja-kerja membekal dan memasang serta menguji FCU baharu lengkap dengan *bracket, copper pipe, insulation, drain pipe* dan pendawaian serta kerja-kerja dan aksesori berkaitan termasuk mengikut spesifikasi di bawah:<br><br>• Jenama : Acson<br>• Jenis : FCU *(Fan Cooling Unit)*<br>• Kuasa : 8.0 HP<br>• Anggaran *Copper Pipe + Isolation : 60 FT* | 1 | Unit | | |
| | | | | | |
| 3 | **Lokasi: Blok B – Pejabat HEP 2 (Bilik Kaunseling), Aras G**<br><br>Kerja-kerja membuka alat penyaman udara **FCU 4.0HP** sedia ada yang rosak serta kerja-kerja membekal dan memasang serta menguji FCU baharu lengkap dengan *bracket, copper pipe, insulation, drain pipe* dan pendawaian serta kerja-kerja dan aksesori berkaitan termasuk mengikut spesifikasi di bawah:<br><br>• Jenama : Acson<br>• Jenis : FCU *(Fan Cooling Unit)*<br>• Kuasa : 4.0 HP<br>• Anggaran *Copper Pipe + Isolation : 60 FT* | 1 | Unit | | |
| | | | | | |

**Cop KUYPJ** **Cop & Tandatangan Syarikat**

| BIL | KETERANGAN | KUANTITI | UNIT | HARGA (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 4 | **Lokasi: Blok B – Pejabat Akademik, Aras 1**<br><br>Kerja-kerja membuka, membekal, memasang dan menguji pendingin hawa baharu termasuk pembekalan bracket/support, aksesori pemasangan, pendawaian antara unit *(interconnecting wiring)*, dan komponen berkaitan, kerja-kerja *copper piping* lengkap dengan insulation serta kerja-kerja dan aksesori berkaitan mengikut spesifikasi di bawah:<br>• Jenama : Acson (Non-Inverter)<br>• Jenis : Cassete<br>• Kuasa : 4.0 HP | 1 | Unit | | |
| | | | | | |
| 5 | Kerja-kerja pembersihan dan pembuangan sisa kotoran selepas siap kerja, laporan awalan dan kerja-kerja berkaitan. | n/a | - | | |
| **Jumlah keseluruhan dijadikan jumlah tawaran Sebut Harga** | | | | | |

**Cop KUYPJ**

**Cop & Tandatangan Syarikat**

## RINGKASAN TAWARAN

| BIL | BUTIRAN KERJA | M/SURAT | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|
| 1.0 | PERKHIDMATAN KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUJI SISTEM PENDINGIN HAWA DI KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR | BQ 1/1 | |
| **JUMLAH DIBAWA KE BORANG SEBUT HARGA** | | | |

Ringgit Malaysia: .....

.....

Tempoh Siap Kerja: ..... (minggu)

..... .....

(Tandatangan Kontraktor) (Tandatangan Saksi)

Nama Penuh: ..... Nama Penuh: .....

No. Kad Pengenalan: ..... No. Kad Pengenalan: .....

Tarikh: ..... Meteri dan Cop Kontraktor:

**Cop KUYPJ** **Cop & Tandatangan Syarikat**

| | |
|---|---|
| **SEBUT HARGA BAHAGIAN** | : PEJABAT PENDAFTAR KUYPJ |
| **NO. SEBUT HARGA** | : KUYPJ-PDF-105.9-1-3 (1) |

**PEJABAT PENDAFTAR**
**KOLEJ UNIVERSITI YAYASAN PELAJARAN JOHOR**
**KM 16, JALAN KULAI-KOTA TINGGI,**
**81900 KOTA TINGGI,**
**JOHOR DARUL TA'ZIM.**

Tuan,

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Petender, Syarat-Syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksana dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal **SEPERTI DALAM JADUAL SEBUT HARGA**

Ringgit
Malaysia : .....

.....

2 Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa **TEMPOH KONTRAK** seperti yang telah ditetapkan.

Bertarikh pada .....

T/Tangan: .....
(Kontraktor)

Nama Penuh: .....

No. Kad Pengenalan: .....

Atas Sifat .....

.....
Meteri atau Cop Kontraktor

T/Tangan: .....
(Saksi)

Nama Penuh: .....

No. Kad Pengenalan: .....

**Cop KUYPJ**

**Cop & Tandatangan Syarikat**

## SENARAI PENGALAMAN KERJA

**Senarai Tiga (3) kerja yang TELAH selesai dilaksanakan.**

| Nama Projek | Jabatan/Agensi Perunding yang Mengawasi | Harga | Tempoh | Tarikh Siap Sebenar |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |

**Senarai Kerja Yang SEDANG dilaksanakan**

| Nama Projek | Jabatan/Agensi Perunding yang Mengawasi | Harga | Tempoh | Tarikh Siap Sebenar |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |

**Cop KUYPJ**

**Cop & Tandatangan Syarikat**

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

Saya, ..... nombor K.P..... yang mewakili (.....) nombor Pendaftaran (.....) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam (.....) atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / Sebut Harga * seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam (.....) atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / Sebut Harga * seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender / Sebut Harga* di atas; atau

2.2 Penamatan kontrak bagi tender / Sebut Harga* di atas; dan

2.3 Tindakan tatatertib lain mengikut peraturan perolehan Kolej Universiti Yayasan Pelajaran Johor (KUYPJ) yang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / Sebut Harga * seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

4. Saya dengan ini juga bersetuju dan membenarkan pihak KUYPJ menggunakan maklumat peribadi dan syarikat yang diberikan di dalam borang tender / Sebut Harga * ini bagi urusan keselamatan dan permohonan maklumat tambahan dari agensi-agensi berkaitan.

Yang Benar;

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan :

i. * Potong mana yang tidak berkenaan.

ii. Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

**Cop KUYPJ** **Cop & Tandatangan Syarikat**

## SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

### 1. PEMERIKSAAN KAWASAN

Kontraktor/Pemborong adalah dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti kawasan kerja dan sekitarnya, bentuk dan jenis muka bumi dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke kawasan kerja dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejas Sebut Harga. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

### 2. INSURAN

Kontraktor/Pemborong dikehendaki mengambil insuran-insuran berikut bagi sepanjang tempoh kerja dijalankan.

2.1 Insuran Tanggungan Awam *(Public Liability)* meliputi kerosakan kepada:

2.1.1 Harta benda awam termasuk kenderaan dan bangunan.

2.1.2 Kemudahan awam seperti kabel TNB, STMB, Paip Air dan lain-lain. Insuran di atas nama Pemborong dan kerajaan Negeri Johor /Kerajaan Malaysia. Jumlah kemalangan hendaklah tiada terhad bagi sepanjang tempoh kontrak.

2.2 Insuran Pampasan Pekerja *(Workmen's Compensation)* di atas nama Pemborong dan Kerajaan Johor/Kerajaan Malaysia. Nilai Polisi tidak kurang 30% dari harga kontrak.

2.3 Kontraktor/Pemborong adalah bertanggungjawab memastikan keselamatan di tempat kerja dan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).

Pemborong hendaklah mengemukakan kepada **Pegawai Penyelia semua polisi insurans yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja**. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota perlindungan dan resit-resit bayaran permium adalah mencukupi. Sekiranya Pemborong gagal mengemukakan

**Cop KUYPJ** **Cop & Tandatangan Syarikat**

semua polisi insurans selepas tempoh sah Nota-nota Perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Penyelia berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasa 5(d).

**3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA**

Kerja-kerja yang dilaksanakan **hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga** ini dan arahan Pegawai Penyelia atau wakilnya.

**4. PEMILIKAN TAPAK DAN KEGAGALAN KONTRAKTOR/PEMBORONG MEMULAKAN KERJA**

Kontraktor hendaklah memulakan kerja dalam tempoh 7 hari dari tarikh surat lantikan dikeluarkan dan hendaklah mengikut arahan dan kelulusan Pegawai Penyelia, atau wakilnya. Jika Kontraktor gagal memulakan kerja dalam tempoh 7 hari tanpa sebarang sebab-sebab yang munasabah, kontrak akan dibatalkan dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap pemborong mengikut syarat-syarat pendaftaran.

**5. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PELANTIKAN KONTRAKTOR**

5.1 Pegawai Penyelia berhak membatalkan kontrak kerja atau memotong bayaran, sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Penyelia.

5.1.1 Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;

5.1.2 Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

5.1.3 Penangguhan perlaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

5.1.4 Tidak mematuhi arahan Pegawai Penyelia tanpa apa-apa alasan yang munasabah dan;

**Cop KUYPJ** **Cop & Tandatangan Syarikat**

5.1.5 Apabila kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

PEMOTONGAN BAYARAN:

Pemotongan bayaran akan dilaksanakan mengikut bahagian-bahagian di dalam sebut harga yang tidak dilaksanakan.

5.2 Jika Kontraktor/Pemborong tidak menyiapkan kerja seperti yang dijangka, tindakan akan diambil secara pembayaran ganti rugi dan penggantungan lesen pendaftaran atau apa-apa cara lain yang difikirkan patut oleh Pegawai Penyelia.

## 6. SUB-SEWA DAN MENYERAHKAN KERJA

**Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan** kerja kepada Kontraktor-Kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerah hak apa-apa faedah di bawah kontrak Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Penyelia.

## 7. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN KERJA OLEH PEGAWAI PENYELIA

Semua bahan-bahan yang dibekalkan dan digunakan yang baru dan belum dipakai dan mempunyai mutu yang terbaik dan diperolehi dari dalam Malaysia dan mendapat kelulusan Pegawai Penyelia, Juga mempunyai kuasa untuk meminta contoh-contoh untuk diperiksa sebelum bahan tersebut dibekalkan atau digunakan. **Pegawai Penyelia atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja-kerja yang tidak menepati Spesifikasi**. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Pemborong sendiri.

## 8. RINGKASAN SEBUT HARGA

8.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.

8.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, SST, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi menyiapkan kerja dengan sempurnanya.

**Cop KUYPJ** **Cop & Tandatangan Syarikat**

8.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebut Harga atau dalam tempoh kerja.

8.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor/ Pemborong hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Penyelia tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum surat lantikan Kerja dikeluarkan.

8.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetul sebelum surat lantikan Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

8.6 Bidang kerja Sebut Harga hendaklah diteliti oleh kontraktor/Pemborong apabila menurunkan harga dalam Ringkasan Sebut Harga.

## 9. PERCANGGAHAN DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA

Jika Kontraktor/Pemborong **mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga** dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Penyelia untuk mendapatkan keputusan.

## 10. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR/PEMBORONG

Kontraktor/Pemborong hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-Undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksaaan Kerja. Kontraktor/Pemborong tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

**Cop KUYPJ** **Cop & Tandatangan Syarikat**

## 11. PERATURAN MEMBAYAR

11.1 Bayaran Berperingkat. Bagi kerja yang bernilai melebihi RM25,000.00, satu kali bayaran berperingkat dibenarkan setelah nilai kerja-kerja yang disiapkan melebihi 70% dari nilai Sebut Harga tersebut.

11.2 Bayaran Selepas Siap. Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah Kontraktor / Pemborong menyiapkan Kerja dengan sempurna dan menghantar invois tuntutan berserta dokumen-dokumen sokongan.

## 12. PERUBAHAN KERJA

12.1 Pegawai Penyelia boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendak kan sesuatu perubahan kerja dengan cara bertulis.

12.2 Semua Kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Penyelia akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Penyelia dan Kontraktor hendaklah digunakan.

## 13. KECACATAN SELEPAS SIAP ( Kerja Binaan )

Tempoh tanggungan kecacatan bagi kerja Sebut Harga ini adalah selama (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati Sebut Harga ini, hendaklah diberitahu oleh Pegawai Penyelia dalam suatu arahan bertulis kepada Kontraktor. Kontraktor yang dilantik hendaklah, dalam masa yang berpatutan yang dinyatakan di dalamnya oleh Pegawai Penyelia, membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor itu sendiri.

**Cop KUYPJ** **Cop & Tandatangan Syarikat**

**14. PERKHIDMATAN AGENSI-AGENSI LAIN**

Kontraktor/Pemborong dikehendaki menguruskan dan merujuk dengan pihak TNB, TM dan Ranhill SAJ tentang pemotongan sementara bekalan semasa pelaksanaan kerja selari dengan perancangan kerja kontraktor/pemborong. Segala tuntutan atau caj yang dikenakan oleh pihak yang berkenaan hendaklah ditanggung oleh kontraktor/pemborong.

**15. DENDA KADAR LEWAT KERJA (Kerja Pembinaan, Penyelenggaraan dan Perbekalan)**

Bagi setiap kerja yang lewat dimulakan atau disempurnakan kontraktor / pemborong bakal dikenakan denda perhari berdasarkan formula:

(BLR +1%) x (Nilai kontrak/365) x (bilangan hari lewat)

**16. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN DAN ANAK SYARIKAT**

16.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

16.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

16.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

**Cop KUYPJ** **Cop & Tandatangan Syarikat**

16.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan rasuah 1997.

**17. PEMBERSIHAN TAPAK (Pembinaan )**

17.1 Apabila kerja siap, segala sampah sarap dan lebihan tanah hendaklah dibersihkan mengikut arahan Pegawai Penyelia atau wakilnya.

17.2 Pembakaran sampah secara terbuka di tapak adalah tidak dibenarkan sama sekali.

**18. SIJIL SIAP KERJA**

18.1 Sijil Siap Kerja dikeluarkan apabila Kerja-Kerja disiapkan mengikut Spesifikasi Tender / Sebut Harga dan disahkan oleh Penyelia Projek Kolej Yayasan Pelajaran Johor.

18.2 Sijil Siap Kerja perlulah disertakan bersama-sama dengan tuntutan bayaran.

**19. PENJELASAN LANJUT**

Sebarang pertanyaan hendaklah dikemukakan ke Pejabat:-

**PEJABAT PENDAFTAR**
**KOLEJ UNIVERSITI YAYASAN PELAJARAN JOHOR**
**KM 16, JALAN KULAI-KOTA TINGGI,**
**81900 KOTA TINGGI,**
**JOHOR DARUL TA'ZIM.**

**Cop KUYPJ** **Cop & Tandatangan Syarikat**

**20. PENGAKUAN**

Saya / Kami bersetuju dan patuh kepada syarat-syarat yang dikenakan seperti di atas.

| | |
|---|---|
| T/Tangan: ..... (Kontraktor) | T/Tangan: ..... (Saksi) |
| Nama Penuh: ..... | Nama Penuh: ..... |
| No. Kad Pengenalan: ..... | No. Kad Pengenalan: ..... |
| Tarikh: ..... | Tarikh: ..... |
| No. Tel Pejabat/No. Tel Bimbit: ..... | No. Tel Bimbit: ..... |

**Cop KUYPJ**

**Cop & Tandatangan Syarikat**